

21 AUG 1996
Rozali-Jawatankuasa
S46 TUBUH J/K KHAS URUSKAN KEMASUKAN KE DALAM UMNO

KOTA BAHARU, 21 Ogos (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) Kelantan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengendalikan urusan kemasukan semula 100,000 anggotanya ke dalam UMNO selepas pembubaran parti itu yang dijangka pada 6 Okt.

Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata tiada masalah besar dijangkakan kerana urusetia khas akan memastikan proses awal seperti mengisi borang keanggotaan UMNO dapat dibuat secepat mungkin.

Urusan itu diharap dapat diselesaikan menjelang mesyuarat agung khas S46 bagi membubarkan parti itu di Kuala Lumpur pada tarikh berkenaan, katanya kepada pemberuta hari ini.

Rozali juga berkata "Perhimpunan Perpaduan Melayu" anjuran S46 dan UMNO Negeri yang akan turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dijadual berlangsung di sini pada 3 Okt.

"Majlis bersejarah bagi S46 itu dijangka dihadiri 30,000 orang terdiri daripada anggota S46 dan UMNO," katanya.

Beliau akan menemui pemimpin UMNO bagi membincangkan persiapan untuk perhimpunan itu.

Rozali yang juga Timbalan Menteri Besar II Kelantan berkata adalah tidak benar dakwaan sesetengah kalangan kononnya S46 ada menuntut jawatan penting khususnya di Kelantan sebagai imbuhan untuk bekerjasama dengan UMNO bagi merampas kembali kerajaan negeri Kelantan yang kini diterajui PAS.

Kemasukan semula anggota dan pemimpin S46 ke dalam UMNO adalah tanpa syarat dan terserahlah kepada pucuk pimpinan UMNO untuk menentukan kedudukan mereka selepas itu, kata beliau.

"Kita serahkan kepada Presiden UMNO untuk tentukan kepimpinan di Kelantan...kita yang masuk UMNO tanpa syarat, jadi kita serahkan kepada pemimpin UMNO," kata Rozali yang memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Negeri sebelum perpecahan UMNO pada 1987.

"Jadi kita rasa tidak kenalah kalau kita pada saat ini menuntut apa-apa jawatan kerana kita masuk (UMNO) ini untuk fikirkan perpaduan Melayu," katanya.

Rozali juga yakin anggota dan pemimpin S46 khususnya di Kelantan akan diterima secara baik oleh UMNO berpandukan reaksi positif yang ditunjukkan.

"Saya percaya kemasukan Tengku Razaleigh dapat memantapkan lagi UMNO Kelantan dan membantu usaha untuk merampas Kelantan...melalui perpaduan yang erat dalam UMNO Kelantan," katanya. -- BERNAMA

RAR NMO